



**MAJLIS PERASMIAN PERKHIDMATAN BIRO KREDIT  
Dar Takaful IBB Utama, Bandar Seri Begawan  
Hari Isnin, 27 Zulkaedah 1435 bersamaan dengan 22 September 2014**

**Disampaikan oleh  
Yang Mulia Awang Yusof bin Haji Abd Rahman,  
Pengarah Urusan AMBD**

---

Bismillahir Rahmani Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Asy-rafil Ambiya 'Wal Mursalin, Sayyidina Muhamadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in Waba'du.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman. Menteri Pembangunan selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam.

Yang Mulia, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Institusi-Institusi Kewangan, Tetamu-tetamu Khas, serta para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warah Matullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Terlebih dahulu, kaola/saya ingin merakamkan rasa syukur atas limpah dan kurnia Allah S.A.W kerana dengan izin-Nya juga, kita dapat sama-sama menghadiri Majlis Perasmian Perkhidmatan Biro Kredit pada pagi ini.



2. Setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah perkenan Baginda bagi penubuhan Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang mana diantara mandat utama AMBD adalah bagi memastikan kestabilan monetari dan kewangan Negara ini yang berterusan.

Para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

3. Kestabilan kewangan adalah salah satu agenda utama bagi AMBD, dan antara elemen penting dalam menjana pembangunan infrastruktur kewangan yang kukuh dan dinamik.
4. Sejak awal penubuhannya pada tahun 2011, AMBD telahpun mengenalpasti beberapa inisiatif dalam membangunkan infasruktur kewangan negara sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa. Salah satu inisiatif tersebut ialah dengan menubuhkan Biro Kredit, yang mana merupakan instrumen penting dalam membantu bank-bank dan institusi-institusi kewangan meningkatkan pengurusan risiko kredit mereka ke tahap yang lebih baik.
5. Budaya kredit yang sihat adalah satu faktor penting dalam pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan mampan. Bank-bank atau institusi-institusi kewangan perlu membuat *due-diligence* yang sewajarnya mengenai pendedahan kredit dan tingkah laku pembayaran balik peminjam sebelum pinjaman itu dapat diberikan. Akan tetapi, maklumat-maklumat yang diperlukan sukar diperolehi malah mengambil tempoh masa yang lama sehingga memberi kesan atau impak kepada kos operasi dan juga risiko kredit.



6. Selain daripada itu, satu cabaran besar yang dihadapi oleh institusi kewangan dan AMBD, selaku Pengawal-Selia, ialah *Non-Performing Loans*. Yang mana pada tahun 2009, telah mencatatkan sebanyak 11.2 peratus.
7. Bagi menangani isu-isu ini, AMBD telahpun mula melaksanakan projek Biro Kredit pada bulan Ogos 2011. Alhamdulillah, dalam masa tempoh satu tahun, projek Biro Kredit ini telahpun selesai dilaksanakan dan perkhidmatannya mula beroperasi dan digunakan oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan di negara ini sejak September 2012. Sehingga Ogos 2014, lebih daripada 150 ribu laporan kredit telahpun digunakan oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan bagi tujuan penilaian keupayaan kredit peminjam.
8. Hasil daripada usaha ini, di samping beberapa garispandu-garispandu berkaitan dengan pinjaman yang dikeluarkan oleh AMBD, Alhamdulillah, jumlah peratusan *Non-Performing Loans* menunjukkan penurunan yang signifikan kepada 5.7 peratus pada tahun 2013.
9. Inisiatif pelaksanaan Biro Kredit ini juga telahpun diiktiraf oleh The World Bank sepetimana di dalam laporan '*Ease of Doing Business Report 2014*' yang mana Negara Brunei Darussalam telahpun menduduki tempat ke-55 daripada 189 ekonomi dalam Petunjuk '*Getting Credit*'. Ini merupakan peningkatan yang besar iaitu sebanyak 71 posisi berbanding kedudukan di laporan di tahun sebelumnya. Penubuhan Biro Kredit adalah satu penyumbang utama kepada peningkatan kedudukan keseluruhan Negara Brunei Darussalam di kedudukan ke-59, iaitu peningkatan sebanyak 20 posisi berbanding dengan tahun sebelumnya.



Para Hadirin sekalian,

10. Bertepatan dengan ulang tahun kedua perkhidmatan Biro Kredit, majlis pada pagi ini merupakan satu lagi titik bersejarah bagi AMBD yang mana Biro Kredit akan memperkenalkan perkhidmatan *Self-Inquiry* kepada orang ramai. Perkhidmatan ini akan membolehkan seseorang individu atau sesebuah syarikat untuk mendapatkan laporan kredit peribadi mereka sendiri. Dengan adanya perkhidmatan ini, iaanya akan dapat menggalakkan *transparency* di antara bank-bank atau institusi-institusi kewangan dan para peminjam. Ianya juga diharap dapat membantu orang ramai dalam mempertingkatkan disiplin pengurusan kewangan mereka, dengan menilai sendiri kedudukan kewangan masing-masing yang mana selaras dengan aspirasi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam salah satu Wawasan 2035 bagi meningkatkan ilmu pengetahuan rakyat Negara, termasuklah dalam bidang celik kewangan.
11. AMBD akan terus bekerjasama dengan pihak bank-bank dan institusi-institusi kewangan dan mana-mana pihak yang berkepentingan dalam menambahbaik perkhidmatan yang sedia ada serta apa-apa perkhidmatan baru dan inovatif yang difikirkan perlu bagi masa akan datang. Bagi langkah seterusnya juga, AMBD juga akan mengadakan program pendidikan, termasuk mengenai laporan kredit, sebagai salah satu usaha bagi menggalakkan dan mempertingkatkan celik kewangan dikalangan orang ramai.
12. Akhir sekali, dikesempatan ini kaola/saya dan bagi pihak AMBD ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, yang telah berkesudian menjadi tetamu Kehormat pada pagi ini dan seterusnya bagi merasmikan majlis ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga tidak lupa diucapkan



kepada pihak Bank-bank dan institusi-institusi kewangan dan mana-mana pihak yang berhubungkait dengan AMBD di atas usaha mereka yang berterusan dan sokongan padu dalam sama-sama menyumbangkan kepada pembangunan negara kita. Kita berharap semoga perkhidmatan ini akan menjadikan rakyat Negara Brunei Darussalam sentiasa lebih peka dalam mengurus kewangan dan menjadi peminjam yang betanggungjawab.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.